



19 FEB, 2025

Lampu jalan tidak menyala di awal pagi

Utusan Malaysia, Malaysia



APABILA keadaan di atas jalan raya gelap, ia membahayakan pengguna jalan raya.

Lampu jalan tidak menyala di awal pagi

SAYA ingin membuat sedikit teguran mengenai lampu jalan. Maaf kalau ada mana-mana agensi atau pihak yang terlibat jika teguran saya ini menyentuh hati mereka.

Saya sering melalui jalan utama yang menghubungkan Pekeling Jubli Emas berhampiran pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Apabila melalui jalan-jalan tersebut, terutama waktu selepas Subuh mendapati jalan-jalan terabit gelap kerana lampu jalan tidak menyala.

Pemerhatian saya mendapati jalan yang selalu gelap ialah jalan dari Pekeling Jubli Emas masuk ke bandar Kangar, Jalan Kangar-Padang Besar hingga ke Kampung Baru dan jalan ke Arau hingga ke persimpangan Jejawi ke Mata Ayer.

Kawasan-kawasan berkenaan adalah laluan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan laluan untuk mereka yang hendak pergi ke tempat kerja.

Apabila keadaan di atas jalan raya gelap, ia membahayakan pengguna jalan raya. Mereka mengharapkan lampu kenderaan masing-masing sahaja untuk bergerak, sedangkan di persekitarannya keadaan gelap seperti melalui jalan kampung.

Sehubungan itu, saya amat mengharapkan pemerhatian oleh pihak-pihak berkenaan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Kalau hendak padamkan lampu secara automatik, jangan pulak dipadamkan terlalu awal sedangkan pada waktu itu persekitarannya masih memerlukan cahaya.

TEROPONG ANAK PERLIS,
Kangar, Perlis

“

Jalan yang selalu gelap ialah jalan dari Pekeling Jubli Emas masuk ke bandar Kangar, Jalan Kangar-Padang Besar hingga ke Kampung Baru dan jalan ke Arau hingga ke persimpangan Jejawi ke Mata Ayer.”